

Latihan Kefahaman

UNIT

9

Kerjaya Veterinar



Mendengar dan Bertutur

Terima Kasih, Doktor

Dengar dengan teliti dialog yang dibaca.

Doktor Amar: Selamat pagi, boleh saya bantu?

Kok Leong: Selamat pagi, doktor. Arnab saya tidak mahu makan dan tidak aktif seperti biasa. Saya dapati najisnya lembik.

Doktor Amar: Mari saya periksa. Arnab awak mengalami cirit-birit atau diare.

Kok Leong: Bagaimanakah arnab boleh mengalami cirit-birit, doktor?

Doktor Amar: Masalah ini berpunca daripada sistem penghadaman yang lemah dalam badan arnab. Apabila badan lemah, arnab tidak boleh menghadam makanannya.

Kok Leong: Mengapakah makanan tidak boleh hadam?

Doktor Amar: Sistem penghadaman arnab ini masih muda. Arnab yang berumur kurang daripada lapan minggu masih memerlukan susu ibunya. Susu ibu boleh menguatkan sistem penghadaman dan daya tahan anak arnab.

Kok Leong: Bagaimanakah cara untuk merawatnya, doktor?

Doktor Amar: Berikan antibiotik dalam dos dan waktu yang ditetapkan. Jangan berikan makanan terlalu banyak. Berikan minuman air bersih yang banyak. Sentiasa menjaga kebersihan arnab.

Kok Leong: Terima kasih, doktor.

Doktor Amar: Sama-sama.



Arahan: Sila baca petikan di atas dan jawab soalan-soalan berikut.

1. Mengapakah arnab Kok Leong tidak mahu makan dan tidak aktif seperti biasa?

2. Bagaimanakah arnab boleh mengalami cirit-birit?

3. Mengapakah makanan tidak boleh dihadap?

Frasa Nama dan Frasa Kerja

Arahan: Isi tempat kosong dengan frasa nama dan frasa kerja yang sesuai.

haiwan

mendiagnosis

menyuntik

Aku

mencapai

memeriksa

pembedahan

rakan

Keluarga

merawat

Aku bercita-cita hendak menjadi doktor veterinar. Apakah keistimewaan kerjaya doktor veterinar? Doktor veterinar perlu mempunyai minat dan keprihatinan yang tinggi terhadap..... Tugas doktor veterinar adalah seperti penyakit yang dihadapi oleh haiwan. Doktor veterinar juga kecederaan haiwan.

Selain itu, haiwan juga turut dilakukan sekiranya perlu. Doktor veterinar juga memerlukan kesabaran yang tinggi. Aku juga tahu, doktor veterinar perlu vaksin kepada haiwan untuk mencegah penyakit berjangkit. Selain merawat haiwan peliharaan, doktor veterinar juga perlu haiwan ternakan.

Walaupun sangat mencabar, aku tetap bercita-cita untuk menjadi doktor veterinar. dan sentiasa menyokong cita-citaku untuk menjadi doktor veterinar. akan belajar bersungguh-sungguh untuk cita-citaku.

